

JANUARI - JUN 2023 EDISI 1

BULETIN PENGKARAM

MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT

مجلس قرينداران باتوقاها



Maju Dan Sejahtera

MERAFAK SEMBAH m/s 5
MENJUNJUNG SETINGGI-TINGGI
KASIH TUANKU



PELANCARAN

Dengan Kerjasama



PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR
DAN RENDAH KARBON BATU PAHAT 2023-2030
MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT

MAJLIS PERASMIAN PELAN TINDAKAN
BANDAR PINTAR
DAN RENDAH KARBON
MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT

m/s 21



Menara MPBP, Jalan Rugayah
83000 Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim
Email : info@mpbp.gov.my | Website : www.mpbp.gov.my
Talian Hotline : 1300-88-6727 | Fax : 07-439 6999



BANDAR PENGKARAM BANDAR RENDAH KARBON 2030



03 Lawatan Timbalan Perdana Menteri Malaysia Ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Di Daerah Batu Pahat

04 Town Hall Program Pemutihan 2.0 MPBP
Taklimat Bersama Peniaga Bazar Ramadhan Dan Bazar Aidilfitri Tahun 2023 MPBP

05 Merafak Sembah Menjunjung Kasih Tuanku

06 Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah

07 Keberangkatan Yang Amat Mulia Tunku Temenggong Ibrahim
Keberangkatan Yang Amat Mulia Tunku Panglima Johor

08 Lensa Banjir 2023

09 Command Centre Pasca Banjir Batu Pahat
Lawatan Ketua Setiausaha Negara Ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Daerah Batu Pahat

10 Sukarelawan Istana Negara Ke Daerah Batu Pahat
Free Market

11 Kick Off Rancangan Kawasan Khas Persisiran Sungai Batu Pahat

12 Mesyuarat Pegawai-Pegawai Penilaian Pihak Berkuasa Tempatan

13 Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Jabatan Kerajaan Daerah Batu Pahat

14 Sejenak Di Bilik YDP

15 Komuniti Pekan Semerah

16 & 17 Sejenak Di Bilik YDP

18 & 19 Program Berbasikal Jelajah Batu Pahat 2023

20 Nak Ngopi Datang BP

21 Majlis Perasmian Pelan Tindakan Bandar Pintar & Rendah Karbon MPBP 2023 - 2030

22 Johor Bersih 2.0

23 Jenang Lane Market 4.0

24 & 25 Perhimpunan Bulanan

26 Lawatan

27 Kursus

28 Yayasan Makmur Batu Pahat

29 Program Gerak Mesra Ahli Majlis MPBP

30 City Ride Pulau Pinang 2023

31 Sukan

32 Pembayaran Cukai Harta

Sidang Redaksi

PENAUNG
En. Ezahar bin Abu Sairin
(Yang DiPertua Majlis Perbandaran Batu Pahat)

PENASIHAT
En. Abdul Karim bin Haji Bakar
(Setiausaha Majlis Perbandaran Batu Pahat)

KETUA EDITOR
En. Muhamad Zulkurnain Bin Alias
(Ketua Unit Perhubungan Awam Dan Korporat)

SIDANG PENGARANG
En. Saharudin Bin Mohd Taib
En. Saiful Rizal Bin Ateman
Cik Siti Nurul Azlin Binti Ropie

REKAAN GRAFIK
Unit Perhubungan Awam Dan Korporat

FOTOGRAFI
En. Saharudin Bin Mohd Taib
En. Saiful Rizal Bin Ateman
Cik Siti Nurul Azlin Binti Ropie

Sidang Redaksi Buletin Penggaram amat mengalu-alukan sumbangan idea dan penulisan daripada warga kerja dan orang awam dalam idea penerbitan Buletin Penggaram. Sebarang idea boleh dikemukakan ke :

UNIT PERHUBUNGAN AWAM DAN KORPORAT,
MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT
TEL : 07- 4396826 / 07-4396828



LAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA KE PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA (PPS) DI DAERAH BATU PAHAT

31 JANUARI 2023 - Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia Merangkap Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah hari ini telah membuat lawatan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Mangsa Banjir di Sekolah Kebangsaan Sri Medan, SK Seri Sehati dan Dewan Orang Ramai Sri Medan, Batu Pahat.

Terdahulu, YAB Timbalan Menteri Malaysia telah menerima taklimat dari Tuan Haji Nasri Bin Md Ali, Pegawai Daerah Batu Pahat merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Batu Pahat berkenaan situasi semasa banjir di Daerah Batu Pahat.

Turut hadir, Yang Amat Berhormat Datuk Onn Hafiz Bin Ghazi Menteri Besar Johor, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi Bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor, Yang Berhormat-berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Johor serta Ketua-ketua Jabatan Daerah Batu Pahat.



TOWN HALL PROGRAM PEMUTIHAN 2.0 MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT

23 Februari 2023 – Town Hall Program Pemutihan 2.0 yang dilaksanakan di Dewan Jubli Intan Batu Pahat ini bertujuan untuk memberi penerangan berhubung kaedah permohonan pelan kelulusan di bawah Program Pemutihan 2.0 kepada pemilik / penyewa permis industri dan komersial di dalam kawasan MPBP. Program turut dihadiri oleh Encik Fizwan bin Dato, Hj Rashid, Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor.

Sesi taklimat telah disempurnakan oleh En. Shahril bin Karjo, Ketua Jabatan Perancangan Pembangunan MPBP dan Tn. Hj. Hafrizam bin Jabir, Ketua Bahagian Bangunan MPBP.



TAKLIMAT BERSAMA PENIAGA BAZAR RAMADHAN & BAZAR AIDILFITRI TAHUN 2023 MPBP

2 Mac 2023 – Program ini telah dirasmikan oleh Yang DiPertua MPBP, Encik Ezahar bin Abu Sairin. Turut bersama Setiausaha MPBP, Encik Abdul Karim Bin Haji Bakar dan wakil Ahli Majlis.

Sesi taklimat ini diadakan bagi menekankan aspek kebersihan dan keselamatan makanan yang disampaikan oleh Pegawai Teknologi Makanan dari Pejabat Kesihatan Daerah serta Undang-undang di bawah KPDN yang disampaikan oleh Pegawai Penguatkuasa KPDN. Turut serta taklimat Cegah Metabolic Syndrome yang disampaikan oleh Pegawai Perubatan & OHD dari Hospital Putra Cawangan Batu Pahat.

Terdapat aktiviti menarik seperti kaunter saringan pemeriksaan kesihatan secara percuma daripada pihak Hospital Putra dan kaunter e-Wallet dan e-Duit oleh pihak Touch 'N Go dan Bank Negara Malaysia. Dianggarkan seramai 600 orang peniaga yang telah hadir.





MERAFAK SEMBAH MENJUNJUNG SETINGGI-TINGGI KASIH TUANKU




9 Mac 2023 - Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan dan Yang Di-Pertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Takzim ke Pusat-pusat Pemindahan Sementara (PPS) daerah Batu Pahat.

Turut mengiringi Tuanku YAM Tunku Idris Iskandar Ismail Abdul Rahman Al-Haj ibni Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor, YAM Tunku Abu Bakar Mahmood Iskandar Ibrahim ibni Sultan Ibrahim, Tunku Putera Johor dan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi Bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor.

Pusat-pusat Pemindahan Sementara yang dilawati adalah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Pura Kencana Club House dan Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Tun Hussein Onn (IPTHO).

DYMM Sultan Johor turut menyampaikan sumbangan kepada mangsa-mangsa banjir melalui Yayasan Sultan Ibrahim.



KEBERANGKATAN DULI YANG MAHA MULIA RAJA ZARITH SOFIAH BINTI ALMARHUM SULTAN IDRIS SHAH



15 Mac 2023 - DYMM Permaisuri Johor berkenan menziarah dan menyantuni mangsa-mangsa banjir di PPS Kolej Kemahiran Tinggi Mara Sri Gading, PPS Sekolah Rendah Agama Bersepadu Batu Pahat dan PPS Sekolah Kebangsaan Bukit Soga. Daerah Batu Pahat masih mempunyai mangsa yang tinggi dengan lebih 37,000 orang ditempatkan di PPS ekoran fenomena banjir termenung.

DYMM Permaisuri Johor turut mengurniakan bantuan berupa sumbangan tunai, pek makanan ringan serta kit penjagaan diri menerusi Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor (YRZSNJ). Hadir sama Yang Berbahagia Tuan Haji Nasri bin Md Ali; Pegawai Daerah Batu Pahat dan Encik Ezahar bin Abu Sairin; Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Batu Pahat





KEBERANGKATAN YANG AMAT MULIA TUNKU TEMENGGONG JOHOR

5 Mac 2023 – Misi penyampaian bantuan Yang Amat Mulia Tunku Idris Iskandar Al-Haj Ibni Sultan Ibrahim Tuanku Temenggong Johor kepada mangsa banjir di daerah Batu Pahat Bantuan di sampaikan kepada Tuan Haji Nasri bin Md Ali, Pegawai Daerah Batu Pahat turut sama Encik Ezahar bin Abu Sairin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat.



KEBERANGKATAN YANG AMAT MULIA TUNKU PANGLIMA JOHOR

11 Mac 2023 – Seramai 335 mangsa banjir yang ditempatkan di tiga Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di daerah Batu Pahat menerima kurniaan bantuan daripada DYMM Sultan Johor Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar melalui YSIJ yang disampaikan oleh YAM Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman Al-Haj Ibni Sultan Ibrahim.

YAM Tunku Abdul Rahman berkenan menziarah dan menyantuni mangsa-mangsa banjir di PPS Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Sulaiman di Parit Sulong, PPS SMK Penghulu Saat dan PPS Dewan Orang Taman Sri Sulong. Bantuan yang disampaikan menerusi YSIJ adalah bekalan makanan susu segar melalui kerjasama dengan Farm Fresh Berhad.



LENSA BANJIR

2023



COMMAND CENTRE PASCA BANJIR BATU PAHAT

20 Mac 2023 – Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor Mohd Jafni Md Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor telah turun padang ke Command Centre Pasca Banjir Batu Pahat di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim jam 3.00 petang bagi mendengar taklimat Pasca Banjir daerah Batu Pahat dari Majlis Perbandaran Batu Pahat dan Majlis Daerah Yong Peng serta melawat tapak pelupusan sementara sisa pepejal operasi Pasca Banjir.

Taklimat Pasca Banjir telah disampaikan oleh Yang DiPertua Majlis Perbandaran Batu Pahat, Encik Ezahar bin Abu Sairin dan Yang DiPertua Majlis Daerah Yong Peng Tuan Haji Nur Faiz Bin Jamil serta melawat tapak sementara sisa banjir.



YANG BERTHORMAT **TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI ALI,** **KETUA SETIAUSAHA NEGARA** KE PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA (PPS) DAERAH BATU PAHAT

22 Mac 2023 – Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara ke Batu Pahat dalam sesi lawatan ke kawasan yang terlibat banjir dan menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir.

Ketibaan beliau disambut oleh Yang Berhormat Dato' Haji On bin Jabbar @ Jaafar Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor, YBhg. Tuan Haji Nasri Bin Md Ali, Pegawai Daerah Batu Pahat, Encik Ezahar bin Abu Sairin Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat, dan Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan.



SUKARELAWAN ISTANA NEGARA KE DAERAH BATU PAHAT

27 Mac 2023 – Sukarelawan Istana Negara bersama Yayasan TM ke daerah Batu Pahat bagi menyertai Misi Pasca Banjir di Sri Medan Batu Pahat. Sukarelawan Istana Negara yang diketua oleh Yang Berbahagia Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Mejar Jeneral Dato' Zahari bin Mohd Ariffin bersama sukarelawan Istana Negara. Turut hadir sama Tuan Pegawai Daerah Batu Pahat, Tuan Haji Nasri Bin Md Ali, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat Encik Ezahar bin Abu Sairin dan Yang Dipertua Majlis Daerah Yong Peng Tuan Haji Nur Faiz Bin Jamil dan Southern Volunteers Batu Pahat. Sukarelawan Istana Negara turut menyampaikan sumbangan barangan keperluan bagi 60 orang penduduk dan melaksanakan tugas-tugas pencucian dan pembersihan Pasca Banjir.



FREE MARKET

2-4 April 2023 – Program "Free Market" anjuran PUSPANITA Majlis Perbandaran Batu Pahat, PUSPANITA Majlis Perbandaran Batu Pahat dengan kerjasama SWcorp Daerah Batu Pahat, Puspanita Daerah Batu Pahat, Kelab Bunga telah menganjurkan program "Free Market" bagi menyalurkan pemberian pakaian terpakai kepada golongan Asnaf, mangsa banjir dan yang bekeperluan secara percuma.

Program ini mendapat sambutan dengan sebahagian besar pakaian terpakai yang didermakan oleh orang awam dan agensi penyumbang telah berjaya diedarkan. Hadir meninjau aktiviti adalah ialah Tuan Yang dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat, Encik Ezahar bin Abu Sairin.





KICK OFF RANCANGAN KAWASAN KHAS PERSISIRAN SUNGAI BATU PAHAT



6 April 2023 – Mesyuarat Kick Off Rancangan Kawasan Khas Persisiran Sungai Batu Pahat, Johor bertempat di Bilik Mesyuarat Delima, Menara Majlis Perbandaran Batu Pahat. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh TPr Md Nazri bin Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia). Turut hadir Encik Ezahar bin Abu Sairin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat, TPr Abdulhan bin Abd Lamit, Pengarah Pejabat Projek Zon Selatan.

Tujuan Mesyuarat Kick Off ini adalah untuk memperkenalkan pasukan perunding yang telah dilantik kepada ahli-ahli Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal, mesyuarat telah diberi pembentangan Terma Rujukan dan perincian program kajian yang telah disampaikan oleh Pengurus Projek kajian dan juga Ketua Perunding. Kajian ini akan dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan bagi mengatasi isu dan masalah serta mencungkil potensi Sungai Batu Pahat.

Selain itu, di dalam mesyuarat ini juga Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) telah menyerahkan mockup peruntukan kajian RKK sebanyak RM500,000 dan mockup Program Bandar Selamat berjumlah RM400,000 kepada Encik Ezahar bin Abu Sairin, Yang Dipertua MPBP sebagai tanda kolaborasi antara Kerajaan Persekutuan dan PBT.



Program ini diakhiri dengan lawatan ke kawasan kajian bersama Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat, Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Batu Pahat, Pejabat Projek Zon Selatan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Lawatan tapak menaiki bot bermula di Pangkalan Maritim Batu Pahat ke sepanjang Sungai Batu Pahat.

MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI PENILAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI JOHOR



15 Mei 2023 - Pegawai-pegawai Penilaian daripada semua 16 PBT Negeri Johor telah menghadiri Mesyuarat Pegawai-pegawai Penilaian Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor Bilangan 1/2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Delima, Aras 14 Majlis Perbandaran Batu Pahat. Mesyuarat ini merupakan mesyuarat tahunan yang diadakan mengikut giliran setiap PBT di Johor dan pada edisi kali ini MPBP telah terpilih menjadi hos dan majlis diurusetiaikan oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPBP. Mesyuarat telah dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat, Encik Ezahar bin Abu Sairin.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Tuan Sr Haji Azmi bin Haji Miswan, Pengerusi Jawatankuasa Pegawai-pegawai Penilaian PBT Negeri Johor. Turut hadir ialah Tuan Sr Zulkepli bin Welang, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pegawai-pegawai Penilaian PBT Negeri Johor dan Cik Azyan Hamizah binti Burhan, Akauntan Pejabat SUK Negeri Johor. Seramai 55 orang pegawai-pegawai penilaian telah hadir

dan membincangkan agenda-agenda mesyuarat seperti Pembentangan Laporan Kerja Penilaian Am Semula dan membincangkan isu e-PBT Penilaian 3.0





MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

PERINGKAT JABATAN KERAJAAN
DAERAH BATU PAHAT 1444H/2023M



22 Mei 2023 - Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Jabatan-Jabatan Kerajaan Daerah Batu Pahat telah diadakan di Dataran Penggaram, Jalan Rahmat Batu Pahat seawal 9.00 pagi. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh wakil rasmi YAB Menteri Besar Johor, Yang Berhormat Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, Timbalan Speaker Dewan Negeri Johor merangkap ADUN Semarang, Turut hadir Tuan Haji Nasri bin Md Ali, Pegawai Daerah Batu Pahat, Encik Ezahar bin Abu Sairin, Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Batu Pahat, Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Daerah Batu Pahat, Ketua-ketua Jabatan Daerah, Ketua-ketua Agensi, Pegawai-pegawai Tadbir Negeri dan Southern Volunteers Batu Pahat.



Sejenak Di Bilik YDP

KUNJUNGAN HORMAT

Ahli Parlimen Sri Gading, Yang Berhormat Aminolhuda Bin Hassan

10 Januari 2023



KUNJUNGAN HORMAT

Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Johor, Puan Mazreha binti Ya'akub

6 Februari 2023



KUNJUNGAN HORMAT

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor merangkap ADUN Kawasan Semerah, Yang Berhormat Tuan Mohd Fared Mohd Khalid

28 Mac 2023





21 Mei 2023 | Ahad - Pada hari ini telah berlangsung Program Komuniti @ Pekan Semerah. Program dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Mohd Fared b Mohd Khalid, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semerah dan turut dihadiri oleh Encik Ezahar b Abu Sairin, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Batu Pahat. Program adalah selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan yang membawa maksud "Menjadikan petempatan inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan."

Program turut disertakan dengan Sesi Taklimat Perancangan Pembangunan oleh En. Shahril b Karjoo, Ketua Jabatan Perancangan Pembangunan, MPBP dan Taklimat Program Bandar Selamat oleh ASP Mokhtar b Mohd Nor, Ketua Cawangan Unit Rondaan Bermotosikal, Polis DiRaja Malaysia, Batu Pahat. Berlangsung juga aktiviti bersama masyarakat seperti Permainan Tradisional serta Cabutan Hadiah Bertuah yang disediakan khusus kepada pengunjung yang hadir.





LENSA





Siri 1.0

26 Februari 2023 – Siri 1.0 disertai seramai 300 peserta kayuhan mengelilingi Bandar Penggaram sejauh 18 Kilometer. Program kayuhan bermula jam 8.00 pagi dan acara pelepasan telah disempurnakan oleh Encik Abdul Karim bin Haji Bakar, Tuan Setiausaha MPBP bertempat di Menara MPBP, Jalan Rugayah, Batu Pahat.



PROGRAM BERBASIKAL JELAJAH BATU PAHAT



PROGRAM BERBASIKAL JELAJAH BATU PAHAT 2023
SIRI 1.0 / 26.02.2023





PROGRAM BERBASIKAL JELAJAH BATU PAHAT 2023
SIRI 2.0 / 21.05.2023



BERBASIKAL PAHAT 2023

Siri 2.0

21 Mei 2023 - Siri 2.0 bermula pada jam 8.00 pagi di Pekan Semerah hingga ke Taman Seri Sulong dan berpatah balik dengan jumlah jarak kayuhan adalah sejauh 45 km.

Di sertai 300 peserta kayuhan program anjuran Majlis Perbandaran Batu Pahat dan MPBP Cyclist adalah di bawah Inisiatif Bandar Rendah Karbon disamping mempromosikan Sektor Pelancongan Tempatan bagi aktiviti berbasikal di kalangan warga Batu Pahat. Kedua-dua siri ini diketuai sendiri oleh Encik Ezahar bin Abu Sairin, Tuan Yang DiPertua MPBP.

Terima kasih diucapkan kepada pihak Tourism Johor, PDRM Batu Pahat, SWCorp, SAJ Ranhill, Pejabat Tanah Batu Pahat serta Pantai Hospital Batu Pahat yang bekerjasama menjayakan program.





27 Mei 2023 - Majlis perasmian 'Batu Pahat Coffee Days' - Nak Ngopi Datang BP telah berlangsung di Espace Batu Pahat, Majlis telah disempurnakan oleh Encik Ezahar Bin Abu Sairin, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Batu Pahat. Hadir sama Denise Wong CEO of Espace Group & Wakil Pengarah Tourism Johor Encik Mohd Azhari Bin Abu Bakar. Pelbagai jenis kopi dan produk tempatan yang berasaskan kopi dibawa kepada pengemar kopi serta cara penyediaan minuman kopi. Pelbagai aktiviti menarik disediakan kepada para pengunjung antaranya jualan pelbagai jenis kopi dan juga peralatan membuat kopi.

Diharap dengan ada program seumpama ini dapat menarik pelancong tempatan dan juga pelancong luar untuk datang ke Batu Pahat. Ini merupakan salah satu strategi pelancongan MPBP di bawah Jejak Warisan, budaya serta 'Food Trail' dengan Gaya senibina Melayu-Anglo di bawah projek pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan warisan dalam Bandar Penggaram dan kopi merupakan salah satu hasil pertanian di daerah Batu Pahat.



PENYERAHAN DOKUMEN

di antara Telekom Malaysia Berhad (TM)
dan Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP)
Bagi Pelaksanaan Inisiatif Bandar Pintar di Batu Pahat

MAJLIS PERASMIAN PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR DAN RENDAH KARBON MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT

14 Jun 2023 - Johor Smart City Forum telah melabuhkan tirainya hari ini setelah 3 hari bermula dari 12 hingga 14 Jun 2023 di PERSADA, Johor. Majlis Penutupan Rasmi Johor Smart City Forum dan Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Bandar Pintar Dan Rendah Karbon Majlis Perbandaran Batu Pahat telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor.

Turut hadir sama Tuan Haji Nasri bin Md Ali, Pegawai Daerah Batu Pahat. Tuan TPr Saidin Bin Lateh, Pengarah PLANMalaysia@Johor, Encik Ezahar bin Abu Sairin Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat, Yang Berbahagia Dato' Adly Effendi bin Hassan Executive Director Kiwitech Sdn Bhd, Encik Mohamed Faisal bin Naina Mohamed Naib Presiden Perniagaan Kerajaan TM One dan Encik Zaidi bin Japar Timbalan Ketua Whip Ahli Majlis MPBP.



15 Januari 2023

Perhimpunan Bulan Januari 2023 di Aras 4 Menara MPBP diurusetikan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan dimulakan dengan ucapan dan amanat bagi tahun 2023 oleh Encik Ezahar Bin Abu Sairin, Tuan Yang DiPertua MPBP. Tuan YDP juga memaklumkan program-program yang dirancang serta mengucapkan tahniah di atas pencapaian yang telah dikecapi oleh MPBP sepanjang pada tahun 2022.

Program diteruskan dengan penyampaian anugerah pekerja contoh bulanan sepanjang tahun 2022 dan majlis penyampaian hadiah pertandingan mencipta logo dan slogan KIK.



PERHIMPUNAN BULAN

7 Februari 2023

Perhimpunan Bulan Februari 2023 di Astaka Shahbandar diurusetikan bersama oleh Unit Pusat Setempat (OSC) dan Unit Perolehan dan Kontrak.

Dikesempatan itu, Majlis Pelancaran Johor Bersih 2.0 Peringkat Majlis Perbandaran Batu Pahat telah disempurnakan oleh Encik Ezahar bin Abu Sairin, Yang DiPertua MPBP.



5 April 2023

Perhimpunan Bulan Mei 2023 di Dewan Jubli Intan Batu Pahat diurusetiaikan oleh Jabatan Kewangan. Program dimulakan dengan Sumbangan Bubur Lambuk oleh Anulae Cawangan Johor Barat dan Kelab Bunga Tanjung MPBP, Southern Volunteers MPBP dan Puspanita MPBP kepada orang ramai di Jalan Omar.

Seterusnya diadakan Majlis Khatam Al- Quran, Majlis Sumbangan Banjir Yayasan Makmur Batu Pahat kepada warga MPBP yang terlibat dengan banjir dan Program Bicara Ramadan oleh Ustaz Zuhairy bin Zolkiple Penceramah Bebas bertauliah serta majlis berbuka puasa.

Majlis tersebut juga telah disempurnakan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat. Encik Ezahar bin Abu Sairin. Turut hadir sama Ahli-ahli Majlis, Setiausaha dan warga kerja MPBP.



PUNAN NAN



14 Mei 2023

Perhimpunan bulan Mei 2023 di Aras 4 Menara MPBP diurusetiaikan oleh Jabatan Kejuruteraan dan Landskap. Majlis dimulakan dengan ucapan oleh Yang DiPertua Majlis Perbandaran Batu Pahat, Encik Ezahar bin Abu Sairin.

Seterusnya penyampaian anugerah pekerja contoh bulanan, penyerahan surat kenaikan pangkat, penyerahan surat lantikan pegawai baru, dan majlis penyerahan kunci bilik pemandu, bilik serbaguna dan bilik 'Mama Friendly'.



JOHOR BERSIH 2.0

Aktiviti 'Plogging' jalan angkat Sekitar bandar Batu Pahat di adakan pada hari ahad setiap minggu oleh Jabatan dalaman MPBP dan agensi luar dalam usaha untuk memastikan kebersihan bandar Batu Pahat, selain menggalakan orang awam untuk turut serta dalam memelihara keindahan bandar Batu Pahat.



SENARAI PENERIMA ANUGERAH PEKERJA CONTOH BULANAN

MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT TAHUN 2023

Januari



Saharuddin bin Mohd Taib

Pembantu Tadbir (P/O) N19

Jabatan Pembangunan Masyarakat & Korporat

April



Muhammad Azri bin Alwi

Penolong Pegawai Perancang Bandar & Desa JA29

Jabatan Perancangan Pembangunan

Februari



Mohd Ridzuan bin Masnan

Penolong Jurutera JA29

Jabatan Kejuruteraan dan Landskap

Mei



Nor Aziema binti Tresno

Pembantu Tadbir (P/O) N19

Jabatan Khidmat Pengurusan

Mac



Azlan Shah bin Abdul Hadi

Pembantu Awam H11

Jabatan Kesihatan Persekitaran


Jun



Muhammad Naufal Hafidzul Naim bin Azman

Pembantu Tadbir (P/O) N19

Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta



JENANG LANE MARKET 4.0

24 Jun 2023 - Sesi turun padang Encik Ezahar bin Abu Sairin Yang Dipertua MPBP ke Jenang Lane Market 4.0 bertemu peniaga-peniaga dan pengunjung.

Program selaras dengan inisiatif pelancongan yang dirancang bagi menarik kehadiran pelancong dari dalam dan luar daerah Batu Pahat. Program juga antara lain menentengahkan koleksi dan kerjasama antara peniaga dan masyarakat setempat.





LAWATAN MAJLIS DAERAH YONG PENG KE MPBP

8 Februari 2023 – Lawatan penanda aras Jabatan Khidmat Pengurusan Majlis Daerah Yong Peng ke Jabatan Pengurusan Majlis Perbandaran Batu Pahat.



LAWATAN KERJA KE TM NETWORK OPERATION CENTRE CYBERJAYA

1 Mac 2023 – Encik Ezahar bin Abu Sairin, Yang Dipertua MPBP mengetuai delegasi MPBP berserta Setiausaha dan ketua jabatan dalaman MPBP ke sesi lawatan ke TM Network Operation Center (TMNOC) bertempat di Cyberjaya. Lawatan bertujuan mendapatkan input serta pendedahan yang lebih jelas berkenaan projek Bandar pintar (smart city) melibatkan beberapa komponen Bandar pintar seperti Smart Traffic Light, Smart Dashbord, Smart Apps srtta Smart Farming.



LAWATAN PENANDA ARAS KE MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

14 Febuari 2023 - Lawatan ke Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) yang diketuai oleh Encik Ezahar bin Abu Sairin Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Batu Pahat bersama 29 orang pegawai bagi mengetahui Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang dipraktikkan di MBMB. Kunjungan kami telah disambut mesra oleh YBhg. Datuk Haji Shadan bin Haji Othman Datuk Bandar MBMB



LAWATAN KE MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA DAN JABATAN KERAJAAN TEMPATAN

13 Mac 2023 - Lawatan tersebut telah diadakan bagi mengadakan sesi perkongsian mengenai pelaksanaan Proses 3-6 (Pengemukaan Notifikasi Mula Kerja Binaan sehingga Pendepositan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan) melalui Sistem OSC 3.0 Plus Online di Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Sementara itu lawatan ke Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) pula bertujuan untuk mengadakan penyelarasan isu-isu teknikal yang dihadapi semasa memproses pelan pemajuan selaras dengan hasrat pendigitalan MPBP.

LAWATAN KERJA KE MBPJ

28 Februari 2023 - Lawatan ke Majlis Bandaraya Petaling Jaya diketuai oleh Encik Abdul Karim bin Hj Bakar, Setiausaha MPBP bersama Ketua Jabatan Dalaman MPBP. Lawatan bertujuan mempelajari dengan lebih jelas pengurusan dan pelaksanaan tadbir urus komponen bandar pintar (smart city) Kehadiran kami telah di sambut oleh YBhg Tuan Mohamad Azhan b Md Ami, Datuk Bandar Petaling Jaya.



KURSUS PENYEDIAAN LAPORAN DAN PENGEMASKINIAN SASARAN KERJA TAHUNAN

Tarikh : 14 Februari 2023

Tempat : Bilik Latihan ICT MPBP



FOCUS GROUP DISCUSSION (FGD) KAJIAN PELAN INDUK LANDSKAP (2023 – 2033) MPBP

Tarikh : 20 Februari 2023

Tempat : Hotel Pinetree, Batu Pahat



KURSUS ASAS PENGURUSAN REKOD MPBP 2023

Tarikh : 22 - 23 Februari 2023

Tempat : Bilik Mesyuarat Delima MPBP



KURSUS ASAS PERANAN MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT SEBAGAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Tarikh : 20 – 21 Mac 2023

Tempat : Bilik Mesyuarat Delima MPBP



KURSUS SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM (SISPAA)

Tarikh : 22 Mei 2023

Tempat : Bilik Latihan ICT MPBP





BACK TO SCHOOL

9-10 Januari 2023 - Program sumbangan kepada Sekolah Agama Johor di daerah Batu Pahat yang terpilih. Program sumbangan ini telah disempurnakan oleh Tuan Ezahar bin Abu Sairin Timbalan Pengerusi Yayasan Makmur Batu Pahat dan Yang Berhormat Puan Rsahidah binti Ramli, Adun Kawasan Parit Raja merangkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah (ALPA) Yayasan Makmur Batu Pahat.



ZIARAH KASIH HOSPITAL NORA ISMAIL BATU PAHAT

3 Mei 2023 - YB Datuk Zulkurnain bin Haji Kamisan Pengerusi Yayasan Makmur Batu Pahat merangkap Adun Kawasan Sri Medan, menyampaikan sumbangan 20 buah kerusi roda bagi keperluan pesakit serta menyantuni 50 orang pesakit di Hospital Sultanah Nora Ismail Batu Pahat.



MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN TAHUN BARU CINA 2023

15 Januari 2023 - Seramai 200 penerima dari masyarakat Tiong Hua menerima sumbangan Tahun Baru Cina yang telah disampaikan oleh YBhg. Encik Ezahar bin Abu Sairin, Timbalan Pengerusi Yayasan Makmur Batu Pahat merangkap Yang DiPertua Majlis Perbandaran Batu Pahat.



KASIH RAMADHAN

2 April 2023 - Program Kasih Ramadan Yayasan Makmur Batu Pahat telah diadakan di Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Batu Pahat. Program kali ini merupakan program berbuka puasa dan penyerahan sumbangan kepada 68 orang anak-anak yatim yang tinggal di Asrama Wisma Yatim Batu Pahat.



MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN HARI RAYA AIDILFITRI

3 Mei 2023 - Seramai 300 penerima dari masyarakat Melayu menerima sumbangan Hari Raya Aidilfitri yang telah disampaikan oleh YB Datuk Zulkurnain bin Kamisan, Pengerusi Yayasan Makmur Batu Pahat merangkap Adun Kawasan Sri Medan.



Gerak Mesra

Ahli Majlis MPBP

19 Mei 2023

ZON
21

Ahli Majlis : Encik Yaman bin Basiran

Tempat : Masjid Banang Jaya, Taman Banang Jaya, Batu Pahat.



27 Januari 2023

ZON
17

Ahli Majlis : Yang Berbahagia Datin Hajar binti Abdul Rahman

Tempat : Taman Flora Batu Pahat



25 Mei 2023

ZON
8

Ahli Majlis : Puan Haryani binti Sukarman

Tempat : Sekolah Kebangsaan Bukit Soga



12 Mac 2023

ZON
4

Ahli Majlis : Encik Lim Sey Ken

Tempat : Jalan Panchoran Air



24 Jun 2023

ZON
23

Ahli Majlis : Puan Hajah Fauziah binti Sabari

Tempat : Sekolah Kebangsaan Sri Rengit



20 Mac 2023

ZON
12

Ahli Majlis : Puan Norhanim binti Monadam

Tempat : Dewan Terbuka Tadika Kemas Pt. Raja Laut



25 Jun 2023

ZON
10

Ahli Majlis : Encik Teo Shang Chuan

Tempat : Dewan Terbuka Mutiara Perdana



MPBP MENYERTAI CITY RIDE PULAU PINANG 2023

2 JANUARI 2023 - Seramai 30 orang staf MPBP menyertai kayuhan berbasikal "**City Ride 2023**" anjuran Majlis Bandaraya Pulau Pinang yang diketuai sendiri oleh Yang DiPertua MPBP, Encik Ezahar bin Abu Sairin.

Acara berbasikal sejauh 82 kilometer yang disertai 2,500 orang peserta ini telah disempurnakan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang bersama barisan dif-dif kehormat.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua para peserta yang telah berjaya mengharungi cabaran sehingga ke garisan penamat acara kayuhan "**City Ride 2023**".





KEJOHANAN SUKAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (MALA 2022)

26-28 Januari 2023 – Karnival Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA 2022) telah berlangsung di Johor Bahru. Antara sukan yang dipertandingkan adalah badminton, futsal, karom, boling, bola jaring, sepaktakraw dan golf.



PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA SEPAK 3-2 MPBP VS JPJ JOHOR

2 Mac 2023 – Padang UTHM Batu Pahat.



PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA SEPAK 5-1

MPBP VS TM JOHOR

2 Mac 2023 – Padang UTHM Batu Pahat.



SUDAHKAH ANDA MENJELASKAN CUKAI HARTA?

BAYAR PADA ATAU SEBELUM

- Penggal 1 - 28 Februari setiap tahun
- Penggal 2 - 31 Ogos setiap tahun
- NOTIS DENDA
- HARTA DISITA
- TINDAKAN UNDANG-UNDANG

PEMBAYARAN CUKAI HARTA *JomPAY*



Billar Code : 75648
Ref-1 : No. Akaun Cukai Harta
Ref-2 : No. Telefon

LANGKAH 1

Pay From: Savings Account
Pay To: JomPAY
75648
Press Enter

LANGKAH 2

Pay To JomPAY (75648)

Ref-1:

Ref-2:

Pay Amount:

Effective Date: 23 May, 2021

☐ Set Recurring

☐ I hereby agree to the Terms and Conditions

PAY

- ~ Masukkan Ref-1: <No. Akaun Cukai Harta> cth A10010311
- ~ Masukkan Ref-2: <No. Telefon> cth 012345678
- ~ Masukkan Jumlah Bayaran (Pay Amount)
- ~ Pilih Bayar (PAY)

A10010311

MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT
JALAN PEJABAT, 83000 BATU PAHAT, NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM
TEL: 07-4341041 / 4310000 / 4310000 FAX: 07-4321104
email: info@mpbp.gov.my / batu.pahat@mpbp.gov.my

BIL CUKAI HARTA
PENGAL 1, BILASMA 2021

AMARAN DARI PAMAY PERSEKUTUAN

AMARAN DARI PAMAY PERSEKUTUAN



MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT
Menara MPBP, Jalan Rugayah
83000 Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim

Email : info@mpbp.gov.my | Website : www.mpbp.gov.my |
Talian Hotline : 1300-88-6727 | Fax : 07-439 6999